

TEKS UCAPAN PERASMIAN

YANG BERBAHAGIA

PROFESOR DATUK DR. ROZIAH MOHD JANOR

NAIB CANSELOR UiTM

SEMPENA

PRA PELANCARAN PROGRAM ART EXHIBITION

“R.E.S.T.

(REFLECT, EMOTION, STORY, THERAPEUTIC)”

6 JULAI 2023 | KHAMIS | 10 PAGI

LAKESIDE GALLERY

UiTM PUNCAK ALAM

Terima kasih Saudara/ Saudari Pengerusi Majlis.

Bismillahirrahmanirrahim.

SALUTASI – KEMAS KINI BERDASARKAN KEHADIRAN

Yang Berbahagia Profesor Dr. Sazzli Shahlan Kasim
Pengarah Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM

Yang Berbahagia Profesor Madya Dr. Fazah Akhtar
Hanapiah
Dekan Fakulti Perubatan UiTM

Pengerusi jawatankuasa program 'REST Art Exhibition'

Ahli-ahli jawatankuasa

Warga Fakulti Perubatan UiTM

Warga Kolej Pengajian Seni Kreatif

dan seterusnya hadirin yang dihormati sekalian.

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,
Selamat sejahtera, Salam UiTM di Hatiku dan Salam
Malaysia MADANI.**

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta-Ala atas limpah kurnia-Nya kita dapat berkumpul bersama-sama dalam Majlis **Pra Pelancaran REST Art Exhibition** anjuran kerjasama **Jabatan Psikiatri Hospital Al-Sultan Abdullah** dan **Fakulti Perubatan** serta **Kolej Pengajian Seni Kreatif UiTM Melaka** dan **Puncak Alam**.

2. Saya dimaklumkan, pameran seumpama ini adalah julung kalinya diadakan membabitkan penghasilan seni kreatif daripada para pesakit psikiatri. Inisiatif hasil usaha sama antara beberapa PTJ yang mempunyai pelbagai kepakaran dan penglibatan daripada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), Life Educare Foundation wajar diperjuangkan kelangsungannya.

3. Tahniah dan terima kasih saya ucapkan kepada PTJ dan jawatankuasa yang terlibat dalam menjayakan program ini. Saya

amat hargai kesempatan untuk bersama-sama terlibat dalam pengkongsian maklumat yang berkaitan pada hari ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Definisi kesihatan mental menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) ialah individu yang sihat mental berupaya mengekalkan perhubungan yang harmoni dengan orang lain, mengambil bahagian dalam aktiviti kemasyarakatan dan boleh menyumbang di dalam masyarakat.

5. Oleh itu, masalah kesihatan mental bukan semata-mata dikaitkan dengan gangguan mental atau kurang waras. Ia juga membabitkan gangguan fungsi lain seperti masalah berkaitan tekanan, gangguan masalah tidur, gagal memberikan tumpuan yang baik dan seumpamanya. Gangguan-gangguan ini boleh menyebabkan masalah kemurungan dan keresahan sekiranya tidak diberi perhatian yang sepatutnya.

6. Statistik Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2022 mendedahkan satu daripada empat remaja di Malaysia berdepan dengan masalah kemurungan yang mana

29.1 peratus mempunyai cubaan membunuh diri dan 26.1 peratus pernah terfikir untuk membunuh diri. Trend ini menunjukkan peningkatan jika dibandingkan dengan statistik pada tahun 2017.

7. Dalam kalangan golongan dewasa, pada tahun 2019, prevalens masalah kemurungan di peringkat nasional merekodkan sebanyak 2.3 peratus iaitu seramai setengah juta rakyat Malaysia mengalami masalah kemurungan ini. KKM mengunjurkan peratusan tersebut dijangka akan terus meningkat dari semasa ke semasa.

8. Berdasarkan statistik yang saya nyatakan tadi, amat wajarlah inisiatif untuk memperkasakan kesihatan mental dilakukan termasuk yang membabitkan para pelajar kita di UiTM.

Hadirin yang dikasihi sekalian,

9. Pelbagai inisiatif dan program telah dirangka dan diperkenalkan oleh UiTM. Sebagai contoh, kita telah menyediakan garis panduan menangani masalah kesihatan mental dalam kalangan pelajar, MOOC serta yang bakal dilancarkan tidak lama lagi adalah aplikasi mobil “**FleksMinda**”

bagi memudahkan proses saringan, pengesanan awal dan seterusnya rawatan seawal yang mungkin. Univerisiti juga menyediakan perkhidmatan kaunseling bukan sahaja kepada pelajar malah staf yang terlibat.

10. Jabatan Psikiatri Hospital Al-Sultan Abdullah dan Fakulti Perubatan UiTM juga telah banyak menganjurkan program-program kesedaran mengenai masalah mental di peringkat universiti dan komuniti. Antaranya, webinar berkaitan kesihatan mental, kesedaran tentang isu membunuh diri dan ketagihan internet, serta projek seni minda.

11. Pada masa ini, aktiviti seni merupakan salah satu terapi alternatif yang semakin mendapat perhatian dalam kalangan pesakit psikiatri. Kajian telah menunjukkan bahawa terapi seni mampu mengurangkan gejala penyakit serta membantu pesakit berkongsi perasaan, pandangan dan pengalaman mereka melalui terjemahan hasil seni yang dihasilkan oleh mereka.

12. Saya yakin program seperti ini akan diterus demi memastikan kesihatan mental warga UiTM terpelihara. InshaAllah, ia bukanlah perkara yang sukar sekiranya kita semua berganding bahu dan saling membantu. Sama-sama juga kita

doakan agar UiTM terus melakar kejayaan demi kejayaan di persada dunia.

13. Sebelum saya akhiri ucapan saya, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih dan syabas kepada Jawatankuasa Penganjur di atas komitmen dan kesungguhan yang ditunjukkan untuk melaksanakan program ini. Syabas juga diucapkan kepada semua peserta yang terlibat dan yang hadir untuk sama-sama menjayakan program pada hari ini.

14. Dengan lafaz '*Bismillahirrahmanirrahim*' saya dengan ini merasmikan **Pra Pelancaran REST Art Exhibition 2023**.

Sekian,

**Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.**